

KEMPEN JOM HARI HARI RFID BERSAMA CELCOM**TERMA DAN SYARAT****1. Penganjur**

- a. Penganjur Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom ini adalah Projek Lebuhraya Usahasama Berhad ("PLUS Berhad") dan Touch 'n Go ("Touch 'n Go") (PLUS Berhad dan Touch 'n Go selepas ini dirujuk sebagai "Penganjur") dengan kerjasama daripada Celcom Mobile Sdn Bhd ("Rakan Kongsi")

2. Tempoh

- a. Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom ini akan berlangsung pada 1 Oktober 2022 sehingga 15 Oktober 2022.
- b. Pihak Penganjur berhak untuk memendekkan atau melanjutkan tempoh Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.

3. Kelayakan

- a. Untuk pelanggan Celcom (pascabayar dan prabayar) ("Pelanggan") yang merupakan ahli PLUSMiles (ahli PLUSMiles baharu atau sedia ada) ("Ahli"), mempunyai akaun eWallet Touch 'n Go dan membuat pemasangan pelekat RFID TNG di Pusat Fitment yang terpilih yang memenuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di bawah.

4. Cara Menyertai

- a. Langkah 1: Log masuk (pelanggan PLUSMiles sedia ada) atau Daftar sebagai ahli PLUSMiles (pelanggan baru) di laman <https://jomrfidcelcom.plusmiles.com.my/>
- b. Langkah 2: Sahkan akaun PLUSMiles apabila menerima e-mel pengesahan pendaftaran (bagi pengguna yang baru berdaftar)
- c. Langkah 3: Log Masuk ke akaun PLUSMiles di <https://jomrfidcelcom.plusmiles.com.my/> dan anda akan menerima kod unik
- d. Langkah 4: Muat turun aplikasi Touch 'n Go eWallet dan daftar akaun eWallet
- e. Langkah 5: Singgah ke Pusat Fitment terpilih (rujuk No. 5) dan berikan kod unik anda ke agen fitment berserta nombor Pelekat RFID TNG dan nombor kenderaan

5. Lokasi Pusat Fitment Terpilih

Sila log masuk akaun anda untuk melihat lokasi Pusat Fitment terpilih -

<https://jomrfidcelcom.plusmiles.com.my/>

6. Pemberian Tag RFID Percuma kepada 500 pelanggan yang pertama (siapa cepat, dia dapat)

- a. Pelanggan perlu memenuhi syarat kelayakan (rujuk terma dan syarat No.3 & 4 di atas);
- b. Kod unik yang diterima tidak menjamin anda akan mendapat Tag RFID percuma selagi anda tidak menebuk kod unik tersebut di Pusat Fitment, tertakluk kepada Siapa Cepat, Dia Dapat untuk 500 penebusan kod unik;
- c. Dapatkan kod unik JomRFID anda dan pergi ke Pusat Fitment terpilih di Lebuhraya PLUS
- d. Hanya 500 pelanggan pertama yang melawat Pusat Fitment dan memberikan kod unik kepada ejen Pusat Fitment untuk pengesahan akan mendapat teg RFID secara percuma/tiada kos.
- e. Tertakluk kepada konsep siapa cepat dia dapat.

7. Pemberian 1000 Mata Ganjaran PLUSMiles kepada 501 – 5,000 pelanggan pertama

- a. Pelanggan perlu memenuhi syarat kelayakan (rujuk terma dan syarat No.3 & 4 di atas);
- b. Dapatkan kod unik JomRFID anda dan tebus di Pusat Fitment terpilih di Lebuhraya PLUS
- c. Hanya pelanggan di antara 501 – 5,000 pertama yang melawat Pusat Fitment dan memberikan kod unitk kepada ejen Pusat Fitment untuk pengesahan dan membuat pembelian Tag RFID bernilai RM35 di Pusat Fitment terpilih layak menerima 1000 Mata Ganjaran PLUSMiles.
- d. Mata Ganjaran PLUSMiles akan dimasukkan ke dalam akaun PLUSMiles serta merta.
- e. Tertakluk kepada konsep siapa cepat dia dapat.

8. Keahlian PLUSMiles

Keahlian PLUSMiles adalah percuma dan hanya individu yang berumur 18 tahun ke atas boleh menjadi ahli PLUSMiles. Mana-mana individu yang ingin menjadi ahli PLUSMiles perlu bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat program PLUSMiles ini, tertakluk kepada sebarang perubahan dari semasa ke semasa. Untuk menjadi ahli PLUSMiles, pemohon perlu memberikan maklumat peribadi (nama, nombor pengenalan, nombor telefon, e-mel dan maklumat peribadi yang lain) di portal pendaftaran PLUSMiles di www.plusmiles.com.my, melalui aplikasi PLUS atau melalui komunikasi lain dengan PLUS Berhad. Untuk mengumpulkan mata ganjaran PLUSMiles, ahli PLUSMiles perlu mendaftarkan kad Touch 'n Go atau kad PLUSMiles atau Tag RFID ke dalam akaun ahli dan dianggap telah bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini, tertakluk kepada sebarang perubahan dari semasa ke semasa.

9. Penggunaan Tag RFID

- a. Pelanggan Tag RFID mestilah memuat turun aplikasi *Touch 'n Go eWallet* bagi tujuan pengaktifan penggunaan Pelekat RFID TNG.

- b. Penggunaan Tag RFID adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Touch 'n Go yang boleh didapati <https://rfid.touchngo.com.my/terms-of-use> dan penggunaan Touch 'n Go eWallet adalah tertakluk kepada terma dan syaratnya yang tertera di [sini](#).

10. Liabiliti & Tanggungjawab

- a. Pelanggan kempen ini harus bertanggungjawab dan menanggung liabiliti penuh terhadap segala tuntutan, liabiliti, prosiding, kos dan perbelanjaan yang mungkin dihadapi oleh pihak Penganjur berkaitan atau berbangkit daripada penyertaan Pelanggan dalam Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom ini (termasuk dan tidak terhad kepada kejadian tidak dijangka, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian)) kerana menyertai Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom, penebusan dan/atau mata ganjaran PLUSMiles. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, peristiwa, kerugian, kerosakan, tuntutan atau kemalangan yang tidak diduga (termasuk kematian) dalam sebarang situasi;
- b. Penganjur, pegawai, pekerja dan/atau wakil-wakilnya tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau ganti rugi, samada secara tidak langsung, khas atau berbangkit, kerugian jangkaan, kerugian pendapatan, ganti rugi teladan berkenaan yang dialami oleh Pelanggan Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom ini atau mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Pelanggan berkaitan atau berbangkit daripada penyertaan dalam Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom ini disebabkan oleh apa cara sekalipun, termasuk dan tidak terhad kepada apa-apa kesilapan, peninggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan dalam operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tidak izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau kepincangan teknikal mana-mana rangkaian atau talian telefon, sistem dalam talian komputer, pelayan (*server*) atau pembekal, peralatan komputer, perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan trafik di internet dan/atau laman web atau sebarang situasi di luar kawalan pihak Penganjur;
- c. Para Pelanggan juga bersetuju bahawa Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kelewatan, kecederaan atau kerosakan kepada Pelanggan dan/atau komputer mana-mana pihak ketiga, sistem komputer atau peralatan yang berkaitan dengan atau akibat daripada akses kepada, penyertaan Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom ini, termasuk memainkan atau memuat turun sebarang bahan atau maklumat daripada laman web ini dan berkaitan dengan Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom, penghantaran/muat naik informasi untuk Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom, termasuk tetapi tidak terhad

kepada mana-mana kegagalan pelayan (server), kehilangan, kelewatan, kerosakan data atau kerosakan lain; dan

- d. Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kelewatan dan/atau kegagalan untuk menerima penyertaan kerana ketidakcekapan dari penyedia perkhidmatan internet (*Internet Service Provider*) dan/atau rangkaian telekomunikasi masing-masing untuk menyediakan perkhidmatan internet dan/atau telekomunikasi yang tepat pada masanya dan/atau cekap.

11. Hak Penganjur

- a. Dengan mengemukakan kemasukan Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom, semua Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa semua hak harta intelek adalah milik Penganjur dan sebarang data peribadi Pelanggan tertakluk kepada Polisi Privasi pihak Penganjur;
- b. Penganjur mempunyai hak untuk mengubahsuai, menggantung atau membatalkan Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom sekiranya kempen ini gagal berjalan seperti yang dirancang, terganggu atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan virus, penggodaman, campur tangan yang tidak dibenarkan, penipuan, kegagalan teknikal, atau sebarang sebab di luar kawalan pihak Penganjur;
- c. Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penyertaan Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom, operasi Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom atau melanggar terma dan syarat Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom. Penganjur berhak untuk menamatkan mana-mana penyertaan Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom atau mana-mana orang yang semunasabahnya disyaki telah melanggar atau mengingkari mana-mana terma dan syarat. Penganjur mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang dipercayai telah melakukan penipuan atau aktiviti berbahaya lain melalui Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom dan/atau proses penyertaan Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom;
- d. Terma dan syarat ini disediakan di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sahaja. Sekiranya terdapat ketidakselarasan, konflik, kekeliruan atau percanggahan terma-terma dan syarat-syarat di dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai;

- e. Dengan menyertai Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom, Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom, serta keputusan pihak Penganjur; dan
- f. Terma dan syarat ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen Jom Hari Hari RFID bersama Celcom ini hendaklah dirujuk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

JOM HARI HARI RFID WITH CELCOM CAMPAIGN**TERMS AND CONDITIONS****1. Organiser**

- a. The Organisers of the Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign are Projek Lebuhraya Usahasama Berhad ("PLUS Berhad") and Touch 'n Go ("Touch 'n Go") (PLUS Berhad and Touch 'n Go hereinafter referred as "Organisers") in partnership with Celcom Mobile Sdn Bhd ("Partner").

2. Duration

- a. Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign will start on 1 October 2022 until 15 October 2022.
- b. The Organisers reserve the right to shorten or extend the Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign period without prior notice.

3. Eligibility

- a. For Celcom customers (postpaid and prepaid) ("Customers") who are PLUSMiles members (new or existing PLUSMiles members) ("Members") who meet the Terms and Conditions stated below:

4. How to Participate

- a. Step 1: Sign in (existing PLUSMiles customer) or Sign up for PLUSMiles (new customer) at <https://jomrfidcelcom.plusmiles.com.my/>
- b. Step 2: Verify your PLUSMiles account when you receive the confirmation email (for newly registered customers)
- c. Step 3: Log in to your PLUSMiles account at <https://jomrfidcelcom.plusmiles.com.my/> and you will receive a unique code
- d. Step 4: Download Touch 'n Go eWallet and register for an eWallet account (for new customers)
- e. Step 5: Visit the selected Fitment Centres and provide your unique code to the fitment crew along with the TNG RFID tag and Vehicle Number.

5. Participating Fitment Centre Locations

Kindly log in into you account to view the list of Fitment Center Locations

<https://jomrfidcelcom.plusmiles.com.my/>

6. Free RFID Tag for the first 500 customers who redeem the JomRFID unique code

- a. Customers must meet the eligibility requirements (as per terms No.3 & 4);
- b. Upon receiving your unique code, it doesn't guarantee that you will receive the Free RFID tag until you complete redeeming the unique code at the selected Fitment Center, it's a First Come, First Serve basis for the first 500 unique code redeemed.
- c. Receive your JomRFID unique code and go to the selected Fitment Centres at PLUS Highway.
- d. Only the first 500 customers who visit the Fitment Centres and provide the unique code to the Fitment Centre agent for validation will get the RFID tag for free/no cost.
- e. Free RFID Tag is on a first come first serve basis.

7. 1000 PLUSMiles Points for the next 501 – 5,000 customers who redeem the JomRFID unique code

- a. Customers must meet the eligibility requirements (as per terms No.3 & 4);
- b. Receive your JomRFID unique code and visit the selected Fitment Centers at PLUS Highway.
- c. Only customer from 501-5,000 that provide the unique code to the Fitment Centre Agent for validation, purchase the RFID tag form RM35 entitle to get 1000 PLUSMiles Points.
- d. The PLUSMiles Points will be credited into the user's PLUSMiles account on the spot.
- e. Available on a first come first serve basis

8. PLUSMiles Membership

PLUSMiles membership is free and only individuals above 18 years of age may become members. Any individual who wishes to become members must agree to be bound by the terms and conditions of PLUSMiles program membership stipulated thereto, as varied from time to time. In order to become members, Customers must provide the requested personal information (name, identification number, contact numbers, email and other similar personal information) on the registration page at www.plusmiles.com.my, via PLUS Application or through other communication with PLUS Berhad. In order to collect PLUSMiles points, members need to register Touch 'n Go card or PLUSMiles card or RFID Tag into their account and members will be taken to have affirmed their agreement to be bound by these terms and conditions, as varied from time to time.

9. Usage of TNG RFID Tag

Touch 'n Go RFID Tag users must download the Touch 'n Go eWallet mobile application in order to enable the usage of the RFID Tag; and

The usage of the RFID Tag remains subject to the Touch 'n Go's terms and conditions available at <https://rfid.touchngo.com.my/terms-of-use> and the usage of the Touch 'n Go eWallet shall be subject to its' terms and conditions published [here](#).

10. Liabilities & Responsibilities

- a. Customers shall indemnify Organisers against all claims, liabilities, losses, damages, proceedings, demands costs and expenses which Organisers may sustain, directly or indirectly in connection with or arising from your participation in this Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign will

be liable and bear full liability in the event of (including but not limited to any liability in the event of any liability, unexpected event, injury, damage, claim or accident (including death)) redemption and/or use of PLUSMiles points. The Organisers shall not be liable for any liability, unexpected event, loss, damage, claim or accident (including death) in any way whatsoever;

- b. The Organisers, its officers, employees and/or agents shall not be liable for any indirect, consequential loss or damage, expectation loss, loss of income, aggravated and/or exemplary damages suffered by the Customers of the Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign or any person authorised by the Customers in connection with or arising from the participation in this Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign, however caused including but not limited to any error, omission, interruption, deletion, damage, delay in operation or transmission, failure of communication lines, thefts or destruction, unauthorized access, or change of consumer or member communications, or any problems or omissions technical or any network or telephone line, computer online system, server or supplier, computer equipment, software, e-mail or player failure due to technical problems or traffic congestion on the internet and/or websites or any circumstances beyond Organisers' control;
- c. Customers also agree that the Organisers shall not be liable for any delay, injury or damage to any Customers and/or computer of any third party, computer system or equipment in connection with or as a result of access to, participation in this Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign, including playing or downloading any material or information from this website and in connection with this Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign, the transmission/upload of information for this Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign, including but not limited to any server failure, loss, delay, data damage or other damages; and
- d. The Organisers shall not be liable for any delay and/or failure to receive entries due to incompetence from their respective Internet Service Provider and/or telecommunications network to provide timely and/or efficient internet service and/or telecommunications.

11. Rights of Organizer

- a. By submitting an entry for this Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign, all Customers agree and acknowledge that all intellectual property rights belong to the Organisers and any of Customers' personal data will only be disclosed in accordance to the Organisers' Privacy Policy;
- b. The Organisers reserves the right to modify, suspend or cancel this Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign if it fails to run as planned, interrupted or technical damage, including but not limited to infections by computer viruses, hacking, unauthorized intervention, fraudulent, technical failure, or any reason beyond the control of the Organisers;
- c. The Organisers reserves the right, at their absolute discretion, to disqualify any Customers who is found or suspected of misusing the Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign participation process, the Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign operation or breaching the terms. The Organisers reserves the right to terminate the participation of the Jom Hari Hari RFID bersama Celcom campaign or any person who is reasonably suspected of having breached or violated any of the terms and conditions and the Organisers reserves the right to take legal action against any individual he believes has been perform fraudulent or other hazardous

activities with this Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign and/or the Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign participation process;

- d. These terms and conditions are provided in Bahasa Malaysia and English only. In the event of any inconsistency, conflict, ambiguity or discrepancy between the English version and Bahasa Malaysia version of this terms and conditions, the English version shall prevail;
- e. By participating in this Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign, Customers agree to be bound by these Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign terms and conditions, as well as decisions of the Organisers; and
- f. This terms and conditions shall be governed by the laws of Malaysia and any dispute arising out of or in connection with the Jom Hari Hari RFID bersama Celcom Campaign shall be referred to the exclusive jurisdiction of Malaysian Courts.

